

Naik taraf bazir wang rakyat

Penduduk dakwa projek saliran membazir



Kawasan sekitar Jalan Norton, Taman Yayasan dinaiki air didakwa berpunca daripada projek naik taraf sistem saliran.

JENJARUM - Projek naik taraf saliran di beberapa kawasan sekitar Jenjarum didakwa membazirkan wang rakyat apabila pembinaannya menyebabkan lebih banyak kesan negatif berbanding positif.

Penyelaras Pembangunan Persekutuan Dun Teluk Datok, Ng Siok Hwa berkata, projek berkenaan antaranya menyebabkan banjir di sekitar Jalan Norton, Taman Yayasan yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Menurutnya, aliran air terganggu dan keadaan bertambah teruk apabila konkrit 'U-Shape' diletakkan dalam longkang sedia ada di lorong 19 menyebabkan saliran menjadi kecil.

"Ia menjadi perbualan penduduk kampung dan mereka mendakwa berlaku pembaziran apabila longkang besar sedia ada yang berfungsi sebelum ini dinaik taraf menjadi kecil.

"Pada masa sama, mereka juga merungut apabila saluran masuk ditutup tanpa memperdulikan kepentingan penduduk setempat," katanya.

Beliau berkata demikian

“Ia menjadi perbualan penduduk kampung dan mereka mendakwa berlaku pembaziran apabila longkang besar sedia ada yang berfungsi sebelum ini dinaik taraf menjadi kecil.”

ketika mengadakan lawatan sejour menerima aduan penduduk mengenai banjir berkenaan, di sini.

Beliau menggesa wakil rakyat bertanggungjawab dapat menjalankan tugas dengan baik dan memastikan kontraktor dilantik tidak meneruskan pembinaan saliran berkenaan yang menyebabkan longkang sedia ada menjadi kecil.

Dalam pada itu, Siok Hwa turut menghubungi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk memastikan kunci air di Jalan Sungai Buaya dibuka bagi menangani banjir berkenaan.

"Kita ada melawat kunci air terbabit bersama wakil JPS dan mendapati ia telah dibuka namun banjir masih tetap berlaku.

"Kita tidak menolak kemungkinan banjir berlaku berpunca daripada sampah yang

tidak dikendalikan dengan baik dan keadaan longkang menjadi kecil disebabkan projek naik taraf berkenaan.

Sementara itu, penduduk, Lim Sean Heng, 39, berkata, dia yang tinggal bersama keluarga sejak 20 tahun lalu di situ, kesal dengan dengan keadaan sistem saliran berkenaan.

Menurutnya, projek naik taraf sistem saliran sedia ada perlu dilakukan dengan baik tanpa menjejaskan kepentingan penduduk setempat.

"Ini tidak, apabila hujan sahaja, kami sudah risau dan memang seperti yang dijangka, air naik disebabkan projek itu.

"Namun, saya berterima kasih apabila ada pemimpin setempat bersama wakil JPS yang turun meninjau keadaan ini dan berharap masalah ini diselesaikan segera," katanya.

Siok Hwa